



اَوْنِيُو تِكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**FALKUTI PENGURUSAN MAKLUMAT KAMPUS SEGAMAT
JOHOR**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA LEFTENAN KOLONEL
MOHAMAD B HAJI KASIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**MUHAMMAD AFFANDY B. BAHARUDIN SHAH (2012399981)
MUHAMMAD SUFFIAN B. MADZLI (2012307943)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN
MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, JOHOR DAN
ENCIK MOHD FAIZAL B MOHD RAMSI BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS IMR 604-DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 (MAC-JUN 2014)

ISU KANDUNGAN

PENGHARGAAN	1-2
ABSTRAK	3-4
PENGENALAN	5-7
BIODATA TOKOH	8-10
TRANSKRIP TEMUBUAL	11-81
SOALAN TEMUBUAL	82-92
LOG TEMUBUAL	93-97
PENYELIDIKAN DIARI	98-101
RALAT	102-103
SINGKATAN KATA	104-105
LAMPIRAN	106-122
▪ Foto	
▪ Surat-surat berkaitan	
▪ Indeks	

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kami kepada Allah S.W.T kerana memberi kami limpah dan kurnia serta kekuatan dalam menyiapkan tugas temubual bersama Leftenan Colonel Mohamad b Haji Kassim, bekas Perisik Tentera Malaysia mengenai ketenteraan Malaysia. Jutaan terima kasih juga kami tujukan kepada Leftenan Colonel Mohamad b Haji Kassim kerana sudi meluangkan masa untuk di temubual serta kerjasama yang tulus diberikan kepada kami. Tanpa kerjasama daripada pihak Leftenan Colonel Mohamad b Haji Kassim, mungkin kami tidak dapat menyiapkan wawancara dan penyelidikan ini dengan sempurna.

Kami juga ingin mengucapkan sejuta penghargaan kepada Encik Mohd Faizal b Mohd Ramsi, penarah bagi subjek Dokumentasi Lisan (IMR 604) kami di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Tanpa tunjuk ajar beliau, sudah tentu prosesnya penyiapan tugas ini tidak berjalan dengan lancar dan outputnya mesti tidak begitu sempurna.

Selain itu, kami ini juga menyampaikan jutaan terima kasih kepada kawa-kawan dan keluarga yang menyokong dan membantu kami dari belakang. Mereka juga adalah tulang belakang yang memberi sokongan yang padu kepada kami. Galakan dan pendapat mereka amat berguna kepada kami untuk diaplikasikan dalam tugas ini.

Sekian terima kasih

Wassalam.

Temubual ini adalah antara Muhammad Affandy b Baharudin Shah dan Muhammad Suffian b Madzli dengan Leftenan Kolonel Mohamad b Haji Kasim, bekas Anggota Tentera Malaysia dalam Kor Risik di-Raja. Beliau mempunyai pelbagai pengalaman dalam ketenteraan Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di luar negara iaitu Bosnia Herzegovina. Beliau juga telah terlibat dalam ceramah motivasi di Kem Batu Gajah, Perak. Sebagai seorang tentera yang berkhidmat dalam perisikan beliau mempunyai kepakaran untuk mengesan dan mengenalpasti bagaimana dan apakah akan berlaku di situasi dan kawasan tersebut. Beliau telah dianugerahi dengan beberapa pingat di atas perkhidmatan beliau di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Kata Kunci: Tentera, Perkhidmat Ketenteraan, Mohamad b Haji Kasim, Angkatan Tentera Malaysia, ATM

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ialah pihak yang bertanggungjawab terhadap pertahanan nasional dengan kata lain ialah pasukan tentera profesional negara Malaysia. ATM meliputi tiga cabang ketenteraan utama iaitu; Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pemimpin tertinggi Angkatan Tentera Malaysia ialah Panglima Angkatan Tentera (PAT) Jeneral Tan Sri Zulkefli Bin Mohd. Zin. Manakala Kor Risik DiRaja telah ditubuhkan secara rasminya pada 7 November 1969 dan dianugerahkan gelaran 'Diraja' pada 7 Jun 1997 oleh SPB Yang DiPertuan Agong ke X Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Sejarah moden ATM bermula dengan pengambilan 25 orang pemuda Melayu sebagai skuad percubaan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933. Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Januari 1938. Batalion kedua ditubuhkan pada 1 Disember 1941 iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya. Kedua-dua batalion ini telah menunjukkan kebolehan mereka dalam peperangan menentang tentera Jepun. Selepas perang, negara dilanda pula oleh ancaman Komunis dan keadaan Darurat telah diisytiharkan pada tahun 1948. Keadaan ini memerlukan pembesaran angkatan tentera. Menjelang tahun 1950 kekuatan Rejimen Askar Melayu telah ditambah menjadi tujuh batalion. Pada zaman Darurat juga, angkatan tentera telah melihat penubuhan pasukan berbilang bangsa iaitu Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan pada tahun 1952. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tentera Darat Malaysia telah berkembang maju dan lengkap untuk menjalankan operasi melawan insurgensi. Pada masa ini pasukan Tentera Darat sedang pesat dipermodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu untuk menghadapi cabaran masa depan.